

## Q & A : KEMPEN PEMATUHAN TAHUN 2020 AKTA SYARIKAT 2016

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan <b>Kempen Pematuhan Tahun 2020 Akta Syarikat 2016?</b>	<p>Kempen Pematuhan Tahun 2020 Akta Syarikat 2016 merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk meningkatkan kadar pematuhan oleh Komuniti Korporat terhadap Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dan Akta Syarikat 2016 (AS 2016). Melalui kempen ini, komuniti korporat layak menikmati <b>pengurangan kompaun maksimum sebanyak 90% daripada nilai asal kompaun.</b></p>
2.	Apakah <b>tujuan</b> kempen ini diadakan?	<p>Tujuan kempen ini diadakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memberi dorongan kepada komuniti korporat untuk mematuhi peruntukan AS 1965 dan AS 2016;</li> <li>ii. Memastikan hanya syarikat aktif yang berada di dalam rekod daftar SSM; dan</li> <li>iii. Memastikan maklumat yang diserasihsimpan di SSM adalah maklumat yang terkini serta turut boleh dipohon oleh orang awam dan pihak-pihak berkepentingan.</li> </ul>
3.	Siapakah yang <b>layak</b> mendapat pengurangan kompaun maksimum sebanyak 90%?	<p>Syarikat, Pengarah Syarikat atau Setiausaha Syarikat yang telah ditawarkan kompaun dan <b>telah mengambil tindakan berikut:</b></p>

BIL	SOALAN	JAWAPAN												
		<p>i. Syarikat aktif yang telah mengemaskini serahsimpan Penyata Tahunan (PT) dan Penyata Kewangan (PK) berdasarkan peruntukan di bawah AS 1965 / AS 2016;</p> <p>ii. Setiausaha Syarikat yang telah memberi maklum balas bertulis terhadap notis di bawah seksyen 7(11)(b) AS 1965; dan</p> <p>iii. Syarikat dorman dan tidak aktif yang telah membuat permohonan pembatalan nama syarikat menurut seksyen 550 AS 2016.</p>												
4.	Bilakah kempen ini <b>berkuatkuasa</b> dan tempoh masa pelaksanaannya?	Kempen ini berkuatkuasa mulai <b>01 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2020 (lanjutan dari 30 April 2020)</b> .												
5.	Apakah <b>jenis-jenis kesalahan</b> di bawah Akta Syarikat yang layak mendapat pengurangan maksimum sebanyak 90% di bawah kempen ini?	<p>Kadar pengurangan kompaun maksimum 90% ini <b>hanya terpakai</b> kepada kompaun-kompaun bagi <b>kesalahan lazim</b> di bawah <b>AS 1965</b> dan <b>AS 2016</b> dan seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil</th><th>Seksyen Kesalahan</th><th>Keterangan Kesalahan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td><td>7(11)(b) AS 1965</td><td>Gagal memberi maklumbalas terhadap notis SSM</td></tr> <tr> <td>2</td><td>143(1) AS 1965</td><td>Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan</td></tr> <tr> <td>3</td><td>165(4)/(5)AS 1965</td><td>Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan</td></tr> </tbody> </table>	Bil	Seksyen Kesalahan	Keterangan Kesalahan	1	7(11)(b) AS 1965	Gagal memberi maklumbalas terhadap notis SSM	2	143(1) AS 1965	Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan	3	165(4)/(5)AS 1965	Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan
Bil	Seksyen Kesalahan	Keterangan Kesalahan												
1	7(11)(b) AS 1965	Gagal memberi maklumbalas terhadap notis SSM												
2	143(1) AS 1965	Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan												
3	165(4)/(5)AS 1965	Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan												

BIL	SOALAN	JAWAPAN		
		Bil	Seksyen Kesalahan	Keterangan Kesalahan
		4	169(1) AS 1965	Gagal membentangkan Penyata Kewangan
		5	68(1) AS 2016	Gagal menyerahsimpan Penyata Tahunan
		6	248(1) AS 2016	Gagal menyediakan Penyata Kewangan
		7	258(1) AS 2016	Gagal mengedarkan Penyata Kewangan
		8	259(1) AS 2016	Gagal menyerahsimpan Penyata Kewangan
		9	340(1) AS 2016	Gagal mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (bagi syarikat awam)
6.	Apakah jenis kompaun yang <b>tidak layak</b> mendapat pengurangan sebanyak 90% di bawah kempen ini?	i.	Kompaun bagi seksyen kesalahan <b>selain</b> daripada senarai kesalahan yang dinyatakan pada Perenggan 5 di atas;	
		ii.	Kompaun bagi <b>Penyelesaian Luar Mahkamah</b> atau <b>Kertas Siasatan</b> yang ditawarkan oleh Bahagian Pendakwaan & Litigasi serta Pejabat Negeri / Cawangan; dan	
		iii.	Kompaun yang dianggap sebagai <b>kesalahan tadbir urus korporat yang serius</b> .	

BIL	SOALAN	JAWAPAN
7.	Adakah syarikat yang <b>telah memohon pembatalan nama syarikat</b> di bawah seksyen 550 AS 2016 <b>sebelum 01 Januari 2020</b> tertakluk kepada kempen ini?	Ya, sekiranya <b>rayuan kompaun dibuat dalam tempoh pelaksanaan kempen ini</b> .
8.	Adakah syarikat <b>di dalam proses penggulungan syarikat (Winding Up)</b> tertakluk kepada kempen ini?	Tidak.
9.	Adakah syarikat yang <b>telah mematuhi peruntukan seksyen kesalahan lazim</b> (seperti yang dinyatakan pada Perenggan 5) <b>sebelum 01 Jan 2020</b> tertakluk kepada kempen ini?	Ya.
10.	Berapakah kadar pengurangan kompaun bagi: i. syarikat yang <b>tidak memohon pembatalan nama syarikat</b> (s550); atau ii. syarikat yang <b>tidak patuh serahsimpan PT / PK</b> ; atau iii. setiausaha syarikat yang tidak memberi maklum balas bertulis terhadap notis di bawah section 7(11)(b) AS 1965?	Kadar pengurangan kompaun tersebut akan tertakluk kepada kaedah dan mekanisma <b>Pengurangan Kompaun Secara Automatik atau kadar lain yang ditetapkan oleh SSM</b> .
11.	Apakah yang akan terjadi kepada kompaun yang <b>telah mendapat pengurangan tetapi tidak dijelaskan</b> ?	Amaun kompaun tersebut akan <b>kembali kepada amaun asal selepas tarikh luput dan tindakan penguatkuasaan seterusnya akan diambil</b> .

BIL	SOALAN	JAWAPAN
12.	Bagaimana komuniti korporat boleh membuat <b>semakan status kompaun?</b>	<p>Semakan boleh dibuat melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Emel kepada <b>ar_compliance@ssm.com.my</b> atau <b>enquiry@ssm.com.my</b>;</li> <li>ii. Talian <i>hot-line</i> kompaun (Ibu Pejabat) di talian <b>03- 2299 5334</b> atau Pusat Panggilan SSM di talian <b>03-7721 4000</b>;</li> <li>iii. Semakan atas talian di laman rasmi SSM, <b>e-compound</b> (<a href="http://www(ssm.com.my/en/e-compound">http://www(ssm.com.my/en/e-compound</a>) serta <b>ezBiz Online</b> (<a href="https://ezbiz.ssm.com.my">https://ezbiz.ssm.com.my</a>); dan</li> <li>iv. Semakan di mana-mana <b>kaunter pejabat SSM seluruh Malaysia</b>.</li> </ul> <p>* <b>Bermula 18 Mac 2020, semakan status kompaun hanya boleh dibuat setelah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir.</b></p>
13.	Siapakah yang <b>boleh membuat permohonan pengurangan kompaun?</b>	Syarikat, pengarah, setiausaha syarikat, pelikuidasi, pemegang saham atau wakil syarikat.
14.	Adakah surat rayuan diperlukan semasa membuat permohonan pengurangan kompaun semasa pelaksanaan kempen ini?	Ya.
15.	Bagaimana cara untuk membuat permohonan pengurangan kompaun semasa pelaksanaan kempen ini?	Syarikat, pengarah, setiausaha syarikat, pelikuidasi, pemegang saham atau wakil syarikat <b>perlu hadir</b> ke Kaunter Penguatkuasaan di Bahagian Pematuhan Korporat, Tingkat 26, Menara SSM@Sentral atau mana-mana Kaunter Penguatkuasaan di Pejabat Negeri <b>dengan mengemukakan</b> :

BIL	SOALAN	JAWAPAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Surat rayuan; dan</li> <li>ii. Resit bayaran/bukti serahsimpan dokumen; atau</li> <li>iii. Maklum balas bertulis terhadap notis di bawah seksyen seksyen 7(11)(b) AS 1965; atau</li> <li>iv. Resit bayaran/bukti serahsimpan permohonan pembatalan nama.</li> </ul>
16.	Adakah tempoh bayaran kompaun yang telah diberi pengurangan sebelum pelaksanaan PKP akan dilanjutkan?	<p>Ya. Tempoh bayaran kompaun akan dilanjutkan dengan mengemukakan surat rayuan yang baru.</p> <p><b>* Bermula 18 Mac 2020, bayaran kompaun hanya boleh dibuat setelah PKP berakhir.</b></p>
17.	Di manakah pembayaran kompaun yang telah diberi pengurangan boleh dibuat?	<p>Pembayaran boleh dilakukan <b>di Pejabat SSM seluruh Malaysia</b> atau secara <b>dalam talian</b> melalui Portal EzBiz (<a href="https://ezbiz(ssm).com.my">https://ezbiz(ssm).com.my</a>). Bayaran melalui Portal EzBiz ini hanya boleh dibuat oleh <b>individu yang telah berdaftar</b> sebagai <u>Pengguna EzBiz</u>.</p> <p><b>* Bermula 18 Mac 2020, bayaran kompaun hanya boleh dibuat setelah PKP berakhir.</b></p>
18.	Apakah <b>kaedah bayaran kompaun</b> yang diterima oleh SSM?	<p>Bayaran kompaun boleh dilakukan secara tunai atau dengan menggunakan Cek Syarikat Pengurusan, Bank Deraf, Kad Kredit, Kiriman Wang atau Wang Pos atas nama <b>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA</b> serta secara <i>online</i> melalui Portal EzBiz.</p>

19.	<p>Adakah <b>cek persendirian diterima oleh SSM</b> untuk membayar kompaun?</p>	Tidak.										
20.	<p>Apakah perbezaan di antara pelaksanaan <b>“Pengurangan Kompaun Secara Automatik”</b> dengan <b>“Kempen Pematuhan Tahun 2020 Akta Syarikat 2016”?</b></p>	<p><b>“Pengurangan Kompaun Secara Automatik”</b> layak diberi pengurangan berdasarkan <b>tempoh masa bayaran kompaun</b> dijelaskan dari tarikh <b>notis kompaun ditawarkan</b> seperti jadual di bawah:</p> <table border="1" data-bbox="866 671 1514 1127"> <thead> <tr> <th data-bbox="866 671 1188 825">Tempoh Pembayaran (Dari Tarikh Notis Kompaun)</th><th data-bbox="1188 671 1514 825">Kadar Pengurangan (Dari Nilai Asal Kompaun)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="866 825 1188 889">1 hingga 40 hari</td><td data-bbox="1188 825 1514 889">85%</td></tr> <tr> <td data-bbox="866 889 1188 952">41 hingga 60 hari</td><td data-bbox="1188 889 1514 952">75%</td></tr> <tr> <td data-bbox="866 952 1188 1015">61 hingga 90 hari</td><td data-bbox="1188 952 1514 1015">60%</td></tr> <tr> <td data-bbox="866 1015 1188 1127">91 hingga 180 hari</td><td data-bbox="1188 1015 1514 1127">30%</td></tr> </tbody> </table> <p><b>Manakala, “Kempen Pematuhan Tahun 2020 Akta Syarikat 2016”</b> pula adalah pengurangan kompaun maksimum sebanyak 90% yang diberikan mulai 01 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2020 (lanjutan dari 30 April 2020) bagi situasi seperti yang dijelaskan pada Perenggan 3 di atas.</p>	Tempoh Pembayaran (Dari Tarikh Notis Kompaun)	Kadar Pengurangan (Dari Nilai Asal Kompaun)	1 hingga 40 hari	85%	41 hingga 60 hari	75%	61 hingga 90 hari	60%	91 hingga 180 hari	30%
Tempoh Pembayaran (Dari Tarikh Notis Kompaun)	Kadar Pengurangan (Dari Nilai Asal Kompaun)											
1 hingga 40 hari	85%											
41 hingga 60 hari	75%											
61 hingga 90 hari	60%											
91 hingga 180 hari	30%											

\*Dikemaskini pada 10 April 2020